

B/HARIAN 4/7/19 MS 6

2 lagi kilang diarah henti sementara operasi

Pasir Gudang: Dua lagi kilang berasaskan kimia di sini, diarah menghentikan sementara operasi untuk siasatan lanjut, manakala dua yang lain akan didakwa di mahkamah.

Bagi arahan henti sementara operasi, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar, berkata ia dibuat mengikut Perintah Tahan Operasi.

Perintah berkenaan, katanya, dikeluarkan pada operasi bersepadu besar-besaran membabitkan 139 pegawai pelbagai agensi, ma-

lam kelmarin.

Dengan perkembangan itu, beliau berkata, jumlah keseluruhan kilang berasaskan kimia yang sudah diarah menghentikan sementara operasi sejak 21 Jun lalu untuk siasatan lanjut, menjadi lapan buah.

"Sebanyak 34 kilang berasaskan kimia diserbu dalam operasi besar-besaran bermula jam 7.30 malam sehingga 1 pagi tadi (semalam). Dua lagi kilang berasaskan kimia diarah menghentikan sementara operasi untuk siasatan lanjut.

"Dua kilang lain akan diadapkan ke mahkamah, manakala enam lagi dikenakan kompaun mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Secara keseluruhan, beliau berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor sudah mengambil tindakan penjejakan dan penyiasatan ke atas 153 premis dengan kompaun bernilai keseluruhan RM166,000 dikeluarkan.

Katanya, sebanyak 102 tindakan juga sudah diambil, termasuk ke-

salahan Buangan Terjadual (73), Efluen Perindustrian (10), Bilangan Notis Arahan (11) dan Perintah Tahan Operasi (8).

Semalam, *BH* melaporkan JAS sudah mengambil tindakan penjejakan dan penyiasatan ke atas 90 premis, yang menyaksikan 81 kompaun dikeluarkan.

Sementara itu, Mohd Khuzzan berkata, seramai 38 pelajar dari sembilan sekolah dilapor mengalami masalah kesihatan disebabkan pencemaran udara sehingga jam 12 tengah hari semalam.

"Namun, tiada pesakit dima-

sukkan ke wad, menjadikan hanya seorang yang dirawat di Hospital Sultan Ismail (HSI). Sesi persekolahan juga akan diteruskan seperti biasa.

"Pentadbiran sekolah diarah membuka semua pintu dan tingkap kelas di aras tiga dan empat bagi pengaliran udara, malah pakar masih terus memantau kualiti udara di 100 sekolah secara serentak hari ini (semalam).

"Esok (hari ini) pula, mereka akan ke semua 111 sekolah di Pasir Gudang secara serentak," katanya.